

01/11/2003

Uniten juara World Solar Cycle

KUALA LUMPUR: Pasukan Basikal Universiti Tenaga Malaysia (Uniten) sekali lagi mengharumkan nama negara apabila berjaya menjadi johan dan naib johan keseluruhan pada pertandingan World Solar Cycle Challenge (WSCC) di Australia, Ahad lalu.

Pasukan Uniten yang menghantar dua penyertaan iaitu Uniten #1 dan Uniten #2 turut berjaya menjadi juara dalam kelas masing-masing iaitu, C1 (basikal tiga roda yang boleh ditukar bateri) dan A (basikal dua roda).

Uniten #1 berjaya mencatat masa 33 jam 32 minit dan 57 saat manakala Uniten #2 melakukan catatan 35 jam dan 21 saat bagi jarak perjalanan sejauh 1559 kilometer, bermula dari Ceduna hingga ke Adelaide, Australia.

Naib Canselor Uniten, Prof Zainul Abidin Md Sharrif berkata, kejayaan itu adalah sebagai hadiah kepada bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad yang bersara semalam.

"Dr Mahathir banyak memberi nasihat supaya bekerja keras untuk menjadi yang terbaik. Kejayaan ini adalah hadiah persaraan beliau," katanya pada sidang media di Uniten, semalam.

Pertandingan WSCC 2003 berlangsung dari 19 Oktober hingga 26 Oktober itu adalah pertandingan basikal solar bertaraf antarabangsa yang membabitkan penyertaan daripada beberapa negara seperti Australia selaku tuan rumah, Itali dan Vietnam.

Beliau berkata, Uniten sedang mencari penaja membiayai RM2.5 juta bagi kenderaan solar empat roda untuk bertanding pada pertandingan akan datang pada 2005.